



BANTU...Subhan (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan kepada seorang penerima berdaftar program MyKasih.

MyKasih bantu 7,000 keluarga

GOMBAK: “Terima kasih tidak terhingga kepada pasar raya Giant, Yayasan MyKasih serta Selia Group atas sumbangan yang berharga ini,” kata Norizan Sulaiman, seorang penerima bantuan melalui program MyKasih ‘Love My Neighbourhood’, semalam.

Suri rumah dan ibu kepada 11 anak berusia antara sembilan bulan dan 23 tahun itu mengakui sumbangan yang diberikan banyak membantu dalam menguruskan rumah tangganya, memandangkan suaminya hanya bekerja sambilan dan tidak mempunyai pendapatan tetap.

Norizan, 44, berkata, tiga anaknya sudah bekerja, masing-masing sebagai anggota Rela, jurujual dan pekerja am, namun ia masih tidak mencukupi bagi menampung kehidupan mereka sekeluarga.

Norizan adalah antara 96 penerima dari seluruh daerah

Gombak dan Kelana Jaya.

Pada program itu, syarikat Selia Group, peneraju kejuruteraan dan pembinaan menyumbang sebanyak RM100,000. Program anjuran Yayasan MyKasih dengan kerjasama pasar raya besar Giant itu memperuntukkan RM80 sebulan kepada keluarga terpilih untuk berbelanja di Giant menggunakan MyKad ibu yang mewakili setiap keluarga.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan MyKasih, Jeff Perera, berkata pemilihan keluarga yang layak mendaftar dalam program berkenaan bergantung kepada jumlah tanggungan, umur, status ibu tunggal serta tahap kesihatan, namun paling utama adalah jumlah pendapatan isi rumah adalah kurang daripada RM1,000.

“Kita mendapat kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) dan juga Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengenal pasti ke-

luarga yang layak bagi menguruskan nombor pin MyKad ibu setiap keluarga.

“Biasanya ia mengambil masa antara enam dan lapan minggu sebelum urusan jual beli boleh dijalankan menggunakan MyKad terbabit,” katanya dalam sidang media selepas majlis perasmian program berkenaan di Giant Batu Caves, di sini.

Program yang sudah membantu kira-kira 7,000 isi rumah di 72 lokasi seluruh negara dalam masa dua tahun itu akan menyelia semua keluarga yang terbabit setiap tiga bulan untuk menilai tahap kemampuan mereka.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Pengerusi Selia Group, Tan Sri Datuk Seri Subhan Jasmon; Pengarah Yayasan MyKasih, Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria dan Tan Sri Megat Najmuddin Megat Khas serta Ketua Pegawai Eksekutif Selia Group, Datuk Mohamed Zaini Amran.